

Headline	Bank Islam rancang 150 cawangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	138,805
Page No	B4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,870
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,610



Bank Islam rancang 150 cawangan

Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam) yang menjangka mencatat prestasi terbaik dalam 30 tahun beroperasi pada tahun kewangan 2013, merancang mempunyai 150 cawangan seluruh negara menjelang tahun depan.

Pengarah Urusan, Datuk Seri Zukri Samat, berkata bank merancang membuka tujuh cawangan baru tahun ini di Terengganu, Johor, Selangor serta Kuala Lumpur menjadikan 141 cawangan menjelang hujung tahun ini.

Yakin untung memuaskan
"Sembilan lagi cawangan akan dibuka pada 2015 menjadikan keseluruhan 150 cawangan," katanya selepas Majlis Perasmian Cawangan Bank Islam Padang Garong, di Kota Bharu, semalam.

Perasmian cawangan ke-13 di Kelantan atau ke-134 di seluruh negara, disempurnakan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob.

Selain pengembangan operasi menerusi pembukaan cawangan baru, Bank Islam juga menambah baik saluran pengagihan menerusi pembukaan lima pusat perniagaan bandar, perkhidmatan perbankan mudah alih dan internet serta 1,200 terminal layan diri di

seluruh negara.

Zukri bagaimanapun berkata prestasi bank itu secara keseluruhannya tahun ini dijangka merosot sedikit dan tidak dapat menandingi prestasi tahun lalu, namun yakin ia masih mampu mencatat keuntungan memuaskan.

Pembiayaan kurang

"2014 ini kita jangka pertumbuhan aset Bank Islam dan pembiayaan kurang berbanding 2013, sekadar 10 peratus sepanjang tahun ini disebabkan pengguna lebih berhati-hati dalam aspek perbelanjaan, termasuk membuat pinjaman, berikutan penetapan Bank Negara.

"Tahun ini, cabaran bukan saja dihadapi Bank Islam, bahkan bank lain di negara ini juga terpaksa mematuhi arahan Bank Negara," katanya.

Pada majlis itu juga Bank Islam menyerahkan pacuan empat roda bernilai RM95,000 kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JHEAIK) bagi memudahkan jabatan berkenaan melaksanakan kerja dakwah kepada Orang Asli di pedalaman Kelantan.

Hingga Disember lalu, Bank Islam mencatat deposit sebanyak RM1.214 bilion manakala pembiayaan sebanyak RM1.670 bilion.

Headline	Bank Islam rancang 150 cawangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	138,805
Page No	B4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,870
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,610



Zukri (kanan) **menyerahkan replika kunci pacuan empat roda** kepada Pengarah JAHEAIK, Datuk Che Mohd Rahim Jusoh sambil disaksikan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob (tengah) di Kota Bharu, semalam. [FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]